

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 08 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**


Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kopi durian ada syabu	Utusan Online
2.	Sah ‘kopi pacak’ ada dadah	My Metro
3.	Teliti CCTV kesan wanita edar kopi campur dadah	Berita Harian Online
4.	Dua pengawal Nepal minum kopi perisa durian positif syabu	Kosmo
5.	Kenderaan JPJ dibakar dipercayai didalangi sindiket kereta klon	BERNAMA
6.	Ugutan tak lemahkan semangat	Berita Harian Online
7.	EC seizes electrical goods in Tawau	The Star



## Kopi durian ada syabu

Hasil ujian air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Ujian air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal yang diserang gejala seperti sawan dan letih teruk selepas meminum kopi berperisa durian hujung bulan lalu didapati positif dadah jenis methamphetamine atau syabu.




Kang Chez Chiang

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, laporan awal air kencing kedua-dua mangsa itu diterima petang kelmarin.

"Bagaimanapun kita sedang menunggu laporan darah dua warga asing berusia 32 dan 46 tahun berkenaan daripada **Jabatan Kimia** untuk mendapatkan keputusan sebenar," katanya ketika dihubungi di sini.

Difahamkan, polis juga masih menunggu laporan air kencing dua lagi lelaki yang didakwa mengalami simptom sama 4 Februari lalu dipercayai selepas meminum sejenis kopi segera yang diberikan seorang lelaki Bangladesh.



A. Thaiveegan

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan berkata, polis kini sedang meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi pembuangan sampah iaitu lokasi bungkusan kopi itu ditemukan oleh warga Bangladesh.

Jelasnya, siasatan kini menjurus kepada individu yang meninggalkan bungkusan kopi itu sebelum dibuang ke dalam tong sampah yang belum dikenal pasti.

"Polis masih mencari maklumat baharu mengenai bungkusan kopi tersebut dan meminta kerjasama daripada orang awam supaya menyalurkan maklumat tentang siapa yang membuang bungkusan kopi dan membawanya di mana-mana balai polis berhampiran," katanya.



## Sah 'kopi pacak' ada dadah



LAPORAN portal berita Harian Metro, semalam.

UJIAN saringan air kencing dan darah ke atas dua lelaki warga Nepal yang mengalami gejala lethi serta lemah selepas minum kopi pracampuran perisa durian didapati positif mengandungi dadah.

Ketua Polis Daerah Timur Laut Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, ujian yang dilakukan **Jabatan Kimia** itu diperolehi pihak polis, petang semalam.

"Berdasarkan ujian (air kencing) yang dijalankan kita dapati memang sah terdapat dadah yang jenisnya memang ada di pasaran, namun jarang dikesan diambil penagih dadah."

"Setakat ini, siasatan awal mendapati dadah terbabit memang memberi kesan seperti dialami mereka yang minum kopi berkenaan, namun kita juga masih menunggu laporan kimia mangsa lain," katanya ketika dihubungi.

Dalam perkembangan sama, Ketua Polis Pulau Pinang Datuk A Thaiveegan berkata, pihaknya meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengenal pasti identiti wanita disyaki mengedarkan kopi pracampuran mengandungi dadah secara percuma sekitar Jelutong, Selasa lalu.

Katanya, wanita berusia 40-an terbabit dikesan bagi mengetahui bagaimana dia mendapat bekalan kopi itu.

"Siasatan masih dijalankan bagi mendapatkan pengesahan sama ada kopi campuran itu benar-benar dibuang di dalam tong sampah atau sebaliknya."

"Kerjasama dan bantuan orang ramai perlu dalam menyalurkan sebarang maklumat bagi membantu siasatan lanjut," katanya selepas merasmikan majlis pelancaran Program Remaja Berwawasan 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Bahang, di sini, hari ini.

Sejak 27 Januari lalu, seramai tujuh mangsa dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) di Georgetown selepas minum kopi pracampuran berkenaan yang menyebabkan mereka menjadi letih dan lemah.

Siasatan polis mendapati kopi yang diberikan secara percuma itu mempunyai kesan koyak di bawah, sebelum dipaketkan semula dengan dicampur bahan asing.

Susulan itu, polis mengesan wanita yang mengedar dan memberikan kopi campuran terbabit secara percuma kepada orang ramai.

Pihak polis turut mengesyaki terdapat unsur sabotaj apabila menemui kesan gangguan pada paket kopi itu termasuk keadaan kopi yang mengeras kerana teroksida, pertambahan berat dan kesan digam semula.



DATUK A Thaiveegan (kanan) menerima cenderamata daripada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Bahang, Abdul Said Hussain semasa hadir merasmikan Pelancaran Program Remaja Berwawasan (PRB) di SMK Teluk Kumbar.- Foto Danial Saad

## Teliti CCTV kesan wanita edar kopi campur dadah

**BALIK PULAU:** Polis sedang meneliti rakaman sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengenal pasti identiti wanita yang disyaki mengedarkan kopi pracampuran mengandungi dadah secara percuma sekitar Jelutong, Selasa lalu.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A Thaiveegan, berkata pihaknya masih berusaha mengesan wanita berusia lingkungan 40-an terbabit bagi mengetahui bagaimana dia mendapat bekalan kopi itu.

"Siasatan masih dijalankan bagi mendapatkan pengesahan sama ada kopi pracampuran itu benar-benar dibuang dalam tong sampah atau sebaliknya.

"Kerjasama dan bantuan orang ramai diperlukan dalam menyalurkan sebarang maklumat bagi membantu siasatan lanjut," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Remaja Berwawasan 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Bahang di sini, hari ini.

Sejak 27 Januari lalu, seramai tujuh mangsa dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) selepas minum kopi pracampuran berkenaan yang menyebabkan mereka menjadi letih dan lemah.

Siasatan polis mendapati kopi yang diberikan percuma itu mempunyai kesan koyak di bawah sebelum dipaketkan semula dengan dicampur bahan asing.

Susulan itu, polis turut mengesan seorang wanita berusia lingkungan 40-an yang mengedar dan memberikan kopi terbabit secara percuma kepada orang ramai.

Sementara itu, ujian air kencing dan darah ke atas dua lelaki Nepal yang mengalami gejala letih dan lemah selepas minum kopi pracampuran perisa durian didapati sah mengandungi dadah.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, ujian dilakukan **Jabatan Kimia** itu diperoleh pihaknya petang semalam.

"Berdasarkan ujian dijalankan kita dapati memang sah terdapat dadah yang jenisnya memang ada di pasaran, namun jarang dikesan diambil penagih dadah.

"Setakat ini, siasatan awal mendapati dadah terbabit memang memberi kesan seperti dialami mereka yang minum kopi berkenaan dan kita juga masih menunggu laporan kimia mangsa lain," katanya.

Pihak polis turut mengesyaki terdapat unsur sabotaj apabila terdapat kesan gangguan pada pek kopi itu termasuk keadaan kopi yang mengeras kerana teroksida, pertambahan berat dan kesan pek yang digam semula.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 8  
TARIKH : 08 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**

## Dua pengawal Nepal minum kopi perisa durian positif syabu

**GEORGE TOWN** - Ujian air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal yang didakwa mengalami simptom pening dan letih teruk sehingga pengsan selepas meminum sebungkus kopi segera berperisa durian pada 30 Januari lalu menunjukkan mereka positif dadah jenis syabu.

Jurucakap polis berkata, hasil ujian yang diterima lewat petang kelmarin mengesahkan terdapat campuran benda asing berwarna hijau di dalam kopi tersebut yang merupakan dadah sintetik.

Menurutnya, pihak terbabit bagaimanapun masih menunggu laporan darah dua warga asing berusia 32 dan 46 tahun itu daripada **Jabatan Kimia** termasuk kandungan campuran benda asing berwarna hijau yang disyaki dadah tersebut.

"Hasil laporan ujian air kencing terhadap kedua-dua lelaki terbabit yang diterima petang semalam (kelmarin) didapati positif dadah jenis syabu.

"Polis juga masih menunggu laporan air kencing ke atas dua lagi lelaki yang didakwa mengalami simptom sama pada 4 Februari lalu dipercayai selepas meminum sejenis kopi segera yang diberikan seorang lelaki Bangladesh. Kita percaya keputusan akan diperoleh dalam tempoh terdekat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan pula memberitahu, pihaknya sedang meneliti rakaman sistem televisyen litar tertutup (CCTV) di lokasi pembuangan sampah iaitu tempat bungkusan

Polis cari wanita bagi selesaikan misteri kopi perisa durian

GEORGE TOWN - Polis menggenggam sebungkus kopi perisa durian yang ketika itu masih dalam keadaan segar. Ia dilaporkan sebagai sebahagian daripada bukti bukti dalam kes yang melibatkan dua pengawal keselamatan warga Nepal yang positif dadah jenis syabu.

KERATAN Kosmo! semalam.

kopi segera ditemui sebelum dibancuh dua pemandu lori sampah.

"Kita sedang menyiasat perkara terbabit termasuk siapa yang tinggalkan bungkusan kopi itu sebelum buang ke dalam tong sampah. Setakat ini kita belum dapat identiti individu berkaitan," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemerhati selepas melancarkan Program Remaja Berwawasan 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Bahang di sini semalam.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan lima individu termasuk dua wanita terpaksa menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang sejak 27 hingga 30 Januari lalu selepas didakwa mengalami simptom pening dan letih teruk sehingga dua daripada mereka pengsan dipercayai akibat meminum kopi segera tersebut.

Kejadian tersebut mendapat perhatian ramai selepas rakaman video dua pengawal keselamatan warga Nepal dalam keadaan lemah menjadi tular dalam laman sosial.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 08 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**



## **Kenderaan JPJ Dibakar Dipercayai Didalangi Sindiket Kereta Klon**

NIBONG TEBAL, 7 Feb (Bernama) -- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak menolak kemungkinan kejadian lima kenderaan termasuk tiga kenderaan jabatan itu dibakar di Stesen Penguatkuasa JPJ Timbang Lori Kuala Kangsar di Perak semalam didalangi sindiket kenderaan klon.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPJ Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman berkata ini berikutan dua kereta jenis Volvo yang turut terbakar dalam kejadian itu adalah kenderaan klon yang dirampas pihaknya pada 18 Dis dan 30 Jan lepas.

"Dua kereta klon itu ditempatkan di situ untuk siasatan lanjut pihak kami dan ujian oleh **Jabatan Kimia**. Sebelum kejadian itu, memang pengawai JPJ terlibat (merampas kereta klon) menerima ugutan daripada pihak berkenaan kerana marah kenderaan mereka dirampas.

"Jadi saya tidak menolak kemungkinan kejadian itu mungkin didalangi sindiket kenderaan klon, namun kami menyerahkan kepada polis untuk menjalankan siasatan lanjut dan akan memberi kerjasama kepada mereka (polis)," katanya kepada pemberita selepas mengetuai Ops Tanjung iaitu operasi terhadap kenderaan berat di Pulau Pinang di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira 2.30 pagi semalam, tiga kenderaan JPJ membabitkan dua Toyota Fortuner dan satu Ford Ranger hangus terbakar 90 peratus manakala dua kereta klon itu terbakar 70 peratus.

Wan Ahmad Uzir berkata pihaknya juga telah menyerahkan rakaman CCTV yang terdapat di Stesen Penguatkuasa JPJ Timbang Lori Kuala Kangsar dan beberapa maklumat dipercayai dapat membantu siasatan kes berkenaan kepada polis untuk siasatan.

Beliau berkata pihaknya telah menujuhkan unit keselamatan JPJ di peringkat ibu pejabat baru-baru ini dan akan diperluas di setiap negeri dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan agensi penguatkuasa itu terutama di kawasan premis mereka.

Sementara itu, beliau berkata Ops Tanjung yang dijalankan bermula 29 Jan lepas hingga hari ini adalah bagi mengambil tindakan terhadap pemandu kenderaan berat yang membawa muatan berlebihan kerana ia mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

"Hasil pemeriksaan mendapati sebahagian besar pemandu telah melakukan kesalahan dengan lebihan muatan antara 20 hingga 70 peratus dari had yang dibenarkan untuk kenderaan 24 hingga 60 tan dan sepanjang tempoh operasi, sebanyak 56 notis dikeluarkan.

"Kami turut mengeluarkan perintah hadir di mahkamah ke atas seorang pemandu lori kerana membawa lebihan muatan hingga 89 peratus selain kesalahan tayar botak dan pecah. Kesalahan itu tidak boleh dikompaun," katanya.

Beliau berkata sepanjang tahun lepas, sebanyak 19,332 kenderaan berat diperiksa dan 6,325 notis atas pelbagai kesalahan lalu lintas dikeluarkan dan daripada jumlah itu 1,279 kenderaan dikenakan tindakan kerana membawa muatan berlebihan serta berbahaya.

-- BERNAMA



SHAHARUDDIN (kanan) bersama Timbalan Ketua Pengarah Operasi JPJ, Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman melihat pemantul cahaya ketika majlis Pelaksanaan Pemasangan Pemantul Cahaya MS 828:2011 di Perkarangan Kementerian Pengangkutan. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

## **Ugutan tak lemahkan semangat**

**PUTRAJAYA:** Segala ugutan dan ancaman diterima tidak melemahkan semangat anggota dan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ketika menjalankan tugas.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Seri Shaharuddin Khalid, mengakui pihaknya menerima pelbagai ugutan dan ancaman ketika bertugas tetapi ia bukan penghalang untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kebanyakan ugutan yang diterima tidak berpanjangan, ia hanya sekadar ugutan dan tidak ada tindakan daripada pihak yang mengugut."

"Buat masa ini, kita tidak mempunyai rekod berapa jumlah ugutan atau ancaman diterima. Mungkin selepas ini kita akan melihat perkara ini dengan lebih serius."

"Bagi kes kereta JPJ yang dibakar di Kuala Kangsar, Perak, itu saya tidak tahu ada unsur khianat atau tidak kerana ia dalam siasatan polis," katanya yang ditemui di Kementerian Pengangkutan, di sini.

Shaharuddin berkata demikian bagi mengulas kes kebakaran lima kenderaan, termasuk tiga milik JPJ di Stesen Penguatkuasa JPJ Kuala Kangsar, yang disyaki ada unsur khianat.

Kejadian yang berlaku pada jam 2.30 pagi itu didakwa disebabkan perselisihan faham membabitkan beberapa individu yang dikenakan tindakan oleh anggota JPJ sebelum ini.

Semalam, Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner, Ahmad Termizi Abd Haq, berkata perselisihan faham itu menjadi petunjuk utama siasatan pihaknya serta menemui pagar yang dipotong dipercayai dilakukan lebih daripada seorang individu.

Selain itu, Shaharuddin berkata, semua kenderaan perdagangan yang tidak memasang pelekat pemantul cahaya boleh dikenakan kompaun tidak lebih RM300.

"Tempoh enam bulan diberikan kepada kenderaan perdagangan untuk memasang pemantul cahaya sebelum tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

"JPJ hanya membenarkan penggunaan pemantul cahaya yang mematuhi piawaian MS 828:2011, yang disahkan **SIRIM Berhad (SIRIM)**. Ini bagi mengurangkan kes kemalangan membabitkan kenderaan berat.

"Selain itu, bagi pemandu kenderaan pula, mereka perlu membawa segi tiga keselamatan dan menggunakannya ketika kenderaan tidak dapat bergerak akibat kerosakan di mana-mana jalan raya," katanya.

Sepanjang tahun lalu, sebanyak 1,713 kemalangan dicatatkan akibat langgar belakang membabitkan kenderaan perdagangan.

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NEWS NIBBLES) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 8 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**



### **EC seizes electrical goods in Tawau**

**TAWAU:** The Energy Commission seized more than 10 units of imported electrical equipment of various types worth RM6,500, which did not comply with the Electricity Regulations 1994, from a shop in Batu 3 here.

Its Sabah East Coast director Mohd Yusrul Yusof said the commission monitored the premises as the proprietors had failed to comply with the regulations, including not putting the Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim) labels on the electrical items.

"Some items didn't have the Sirim labels an issuance of notice earlier and the seizure was carried out," he said after the operation yesterday. Mohd Yusrul said the electrical items without Sirim labels and the commission's approval certificates could not be sold to consumers because they were unsafe. — Bernama